

Blog

Blog Kegilaan Remaja

Realitinya komuniti penulis blog diwarnai kumpulan yang berkongsi minat, seperti sukan, personaliti, mencari peluang perniagaan, dan tidak kurang juga tentang diari kehidupan harian.

Oleh Nor Suhada Rasdi

Apakah kaitan antara blog dengan remaja sehingga menjadi kegilaan mereka? Situasi ini berlaku kerana ketasabutan mereka terhadap kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang berkembang pesat di negara ini. Oleh sebab itu, memiliki blog sendiri bagaikan kemestian.

Kegilaan remaja terhadap blog semakin meningkat apabila MySpace memperkenalkan blog percuma untuk penggunaannya. Sifat semula jadi remaja yang sentiasa ingin

ambil tahu terhadap sesuatu perkara menyebabkan semakin banyak yang ingin mempunyai blog sendiri. Tanpa disedari, situasi ini menyebabkan blog menjadi "kegilaan", seterusnya mereka beranggapan bahawa memiliki blog sendiri dapat melambangkan status mereka yang sentiasa terkedepan.

Melalui blog, remaja dapat menyampaikan idea dan pendapat mengenai sesuatu isus secara mendalam. Mereka juga boleh menggunakan blog sebagai medan perbincangan untuk memberikan komen mengenai sesuatu topik, sama ada secara positif atau negatif. Kewujudan internet merupakan permulaan kemunculan

blog, terutamanya kepada remaja sebagai paparan untuk berkongsi fikiran di alam siber.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Technorati, terdapat lebih 112 juta blog di alam maya. Hal ini bermakna sebanyak 175 ribu blog baharu dibina setiap hari. Kadar statistik tersebut melibatkan remaja yang sememangnya obsesi dengan dunia blog. Blog menjadi kegemaran mereka disebabkan oleh kandungannya yang boleh dimuat turun.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan blog menjadi kegilaan golongan remaja. Selain berkongsi

sesuatu maklumat, blog digunakan sebagai medan untuk mempamerkan minat terhadap pelbagai perkara. Melalui blog, mereka mampu berkongsi maklumat terkini dengan pantas sehingga mampu bertindak menggantikan televisyen dalam usaha mendapatkan berita terkini.

Blog juga dijadikan diari yang boleh digunakan oleh remaja untuk menulis pelbagai aktiviti harian mereka. Jadi, bukan sesuatu yang menghairankan apabila blog dijadikan tempat untuk berkongsi aktiviti harian yang dilalui dengan pengunjung blog. Mereka juga boleh menggunakan blog untuk meluahkan segala emosi terhadap sesuatu isu.


Kelebihan yang dimiliki seseorang turut ditonjolkan melalui blog, termasuklah kebolehan menulis, melukis, merakamkan lagu atau video, sekali gus digunakan sebagai tempat untuk mempamerkan hasil karya mereka yang kreatif dan unik.

Remaja sering menyuarakan pandangan mereka menerusi catatan atau diari secara dalam talian. Perasaan kecewa, gembira dan keluh-kesah, di samping artikel dan komen disampaikan dalam pelbagai bentuk serta gaya. Hal ini dikatakan demikian kerana pandangan yang dimuatkan ke dalam blog lazimnya merupakan "suara hati" remaja itu sendiri dan tidak melalui sebarang "penapisan".

Sebenarnya, blog yang bersifat interaktif membolehkan pembaca meninggalkan sebarang ulasan. Hal ini merupakan antara ciri yang diminati oleh remaja untuk memiliki blog. Blog merupakan medium yang tidak boleh dipandang "sebelah mata", seperti pada awal penggunaan internet di negara ini.

Jika dilihat pada peredaran zaman, masyarakat sekarang, khususnya remaja, inginkan sesuatu maklumat yang bersifat pantas. Mereka tidak

gemar membaca akhbar dan malas menonton televisyen yang sarat dengan iklan sedangkan berita yang diperlukan belum tentu disiarkan. Realitinya komuniti penulis blog



Blog yang bersifat interaktif membolehkan remaja meluahkan perasaan.

diwarnai kumpulan yang berkongsi minat, seperti sukan, personaliti, mencari peluang perniagaan, dan tidak kurang juga tentang diari kehidupan harian.

Kajian "Blogging Asia: A Window Live Report" pada 2008 menunjukkan bahawa 74 peratus penulis blog di Malaysia merupakan remaja yang berusia di bawah 25 tahun. Kajian tersebut juga menunjukkan 64 peratus daripada mereka ialah wanita. Malah, Malaysia merupakan antara negara yang memiliki pengendali laman blog yang tertinggi di dunia, iaitu dianggarkan hampir 500 ribu blog yang aktif dikendalikan oleh pelbagai golongan, termasuklah remaja, selepas Kesatuan Eropah dan Indonesia. Oleh sebab itu, blog dianggap bakal terus berkembang menjadi platform buat remaja di negara ini.

Blog dianggap sebagai media alternatif yang mampu mengemukakan pelbagai maklumat dengan pantas kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahuinya.



Secara tidak langsung, remaja menggunakan blog untuk berkongsi sesuatu perkara atau isu dengan orang ramai secara mendalam dan terperinci.

Namun, dalam keterujaan remaja terhadap blog pada masa ini, mereka harus berfikir dengan lebih rasional agar tidak tersilap langkah ketika menggunakan blog. Blog mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri. Baik atau buruk sesebuah blog sebenarnya bergantung pada pihak yang mengendalikan blog tersebut.

Jika sesebuah blog dipenuhi maklumat yang padat dan berguna, maka blog berkenaan mendapat kunjungan orang ramai untuk mendapatkan input tertentu, tetapi jika sebaliknya, blog tersebut mengundang kebencian dan kemarahan orang lain. ❏